



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK CHE MURAD SAYANG BIN RAMJAN  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)  
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**SEMPENA  
PROGRAM PENDIGITALAN USAHAWAN DESA  
SIRI 5 TAHUN 2023**

**19 SEPTEMBER 2023 | SELASA | 10.30 PAGI  
CONVENTION HALL 301,  
PERSADA JOHOR INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE,  
JALAN ABDULLAH IBRAHIM,  
BANDAR JOHOR BAHRU,  
80000 JOHOR BAHRU, JOHOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ASSALAMUALAIKUM W.B.T.**

**SALAM SEJAHTERA, SALAM MALAYSIA MADANI.**

**SALUTASI**

[AKAN DISEDIAKAN SEMASA MAJLIS]

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak urus setia kerana sudi menjemput saya untuk hadir bersama bagi memberi sepatah dua kata bagi Program Pendigitalan Usahawan Desa Siri 5 Tahun 2023 di bawah Program Desamall pada hari ini.
3. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti, KKDW kerana dapat menganjurkan Program Pendigitalan Usahawan ini bersama-sama dengan Jabatan dan Agensi-agensi di bawah KKDW serta rakan-

rakan strategik Program Desamall seperti **Rural Capital Berhad, CELCOMDIGI, Shopee, MaybankQR & Sama-sama Lokal, Halal Development Corporation (HDC), BoostBiz, Bank Simpanan Nasional (BSN), Lazada, Maxis, Mesinkira, Fasspay, Bank Islam, PETRON, TikTok Malaysia, Troopers, Peasy dan IPvolusi**. Saya turut ingin mengalu-alukan penyertaan **Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDeC)** yang pertama kali menyertai Program Pendigitalan Usahawan Desa ini. Program ini telah berjaya menambah rakan-rakan strategik yang saya jangka dapat memberi satu kelebihan di dalam program ini dimana setiap rakan-rakan ini mempunyai kekuatan di dalam bidang masing-masing.

4. Untuk makluman para hadirin juga, program ini telah mula dilaksanakan pada tahun lepas dengan penyertaan seramai **706 usahawan** yang mana telah menerima manfaat daripada program ini. Pada tahun 2023 pula, sehingga kini sebanyak **4 siri Program Pendigitalan Usahawan** telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai **1,247 usahawan di mana sasaran pihak Kementerian pada tahun ini adalah bagi mendigitalkan seramai 1,000 usahawan desa dan sebenarnya kita telah melepasi sasaran yang telah ditetapkan**. Berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada usahawan-usahawan yang telah menyertai siri-siri program sebelum ini, Program PPU telah membantu usahawan **menambahbaik operasi perniagaan serta sedikit sebanyak dapat mengembangkan perniagaan dan meningkatkan produktiviti serta kecekapan pengurusan perniagaan. Perkembangan positif ini dapat direalisasikan melalui pendedahan dan latihan mengenai aplikasi digital**

**perniagaan terkini dan bantuan-bantuan berkaitan pendigitalan perniagaan yang telah diberikan oleh KKDW dan rakan-rakan strategik yang terlibat.**

## **KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMKe-12: MALAYSIA MADANI: MAMPAN, SEJAHTERA, BERPENDAPATAN TINGGI**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Pada minggu lepas, YAB Perdana Menteri telah membentangkan usul **Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) yang bertemakan 'Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi' pada 11 September 2023.** Kajian ini merupakan dokumen dasar utama Kerajaan Perpaduan bagi merealisasikan wadah 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat'. KSP RMKe-12 akan dijadikan asas kepada usaha menangani cabaran utama ekonomi negara pada masa akan datang. Sebanyak **17 Anjakan Utama diperkenalkan** dan 17 inisiatif utama yang akan menjadi pemangkin utama dalam mempercepat usaha reformasi pembangunan sosioekonomi negara, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.
6. Apa yang saya ingin tekankan di sini adalah di bawah Penegasan Ke Empat iaitu Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah, Kerajaan akan terus komited untuk memasarkan produk-produk desa melalui platform e-dagang dan akan cuba meneroka pasaran-pasaran baru yang diketengahkan oleh platform-platform e-dagang yang ada.

7. Dalam era teknologi maklumat yang semakin canggih, pendigitalan telah menjadi salah satu kunci untuk mencapai ekonomi madani, sebuah ekonomi yang adil, inklusif dan mampan. Untuk usahawan desa, ini bukan sahaja bermakna mengadaptasi teknologi dalam operasi harian, tetapi juga memahami bagaimana teknologi digital dapat digunakan sebagai alat untuk mencapai pertumbuhan pada tempoh masa yang lebih cepat.
  
8. Justeru, Program Desamall ini diharapkan dapat dijadikan titik tolak dalam usaha kita memanfaatkan teknologi digital untuk mencapai ekonomi madani, memberikan peluang kepada usahawan kita untuk tumbuh dan berkembang, sambil memastikan manfaat tersebut dinikmati oleh seluruh komuniti. Agenda pendigitalan tetap boleh dilaksanakan sekiranya telah ada kesedaran mengenai kepentingan pendigitalan walau di bawah kategori mana anda berada sekalipun. Oleh itu saya ucapkan Syabas dan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana telah mempunyai kesedaran tersebut.

## **PENDIGITALAN MELALUI PROGRAM DESAMALL**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Program Desamall telah dirangka dengan tujuan untuk memperluas rangkaian perniagaan di samping **meningkatkan hasil jualan produk-produk usahawan desa dengan sasaran *outcome* peningkatan pendapatan antara hingga 10% sehingga 30% selepas tempoh setahun memasarkan produk dalam talian.**

10. Dalam memacu daya saing untuk pertumbuhan mampan, Kementerian akan mengambil langkah untuk mempertingkatkan penerimgunaan teknologi dan pendigitalan, meningkatkan pemerolehan bakat, memperkukuh rantai nilai dan menambah baik mekanisme tadbir urus. **Program Pendigitalan Usahawan Desa di bawah Program Desamall** ini pula merupakan inisiatif tambahan yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk merapatkan jurang digital dengan membantu usahawan desa meningkatkan produktiviti, kecekapan dan sebagai kesediaan menjalankan perniagaan secara dalam talian selaras perkembangan teknologi terkini dan situasi ekonomi semasa.
11. Dengan perkembangan digital yang pesat ini, Program Pendigitalan Usahawan yang dilaksanakan oleh Kementerian turut mengambilkira aspek berkenaan dalam memastikan usahawan tidak ketinggalan dengan turut sama menggunakan kelebihan ini dalam menambahbaik pemasaran perniagaan bagi meningkatkan jualan mereka.
12. Untuk mencapai tujuan tersebut dan bagi memastikan program yang dirangka ini relevan dan selari dengan trend perniagaan digital semasa, KKDW telah menjalinkan kerjasama strategik dengan rakan-rakan strategik terpilih yang berpengalaman dan terlibat secara langsung dalam bidang perniagaan digital. Usahawan akan diberi pendedahan secara langsung dan praktikal dalam sebelas (11) modul yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a. **Pendigitalan Kewangan** yang disertai oleh Bank Islam, Bank Simpanan Nasional, Maybank dan Rural Capital Berhad;
  - b. **Point-Of-Sale (POS) / Gudang Digital** disertai oleh Mesinkira;
  - c. **eWallet / Payment Gateway** disertai oleh Boost Biz, Faspay dan Maybank QRPay;
  - d. **Perkhidmatan Internet** disertai oleh CELCOMDIGI dan Maxis;
  - e. **Aplikasi Perkhidmatan On Demand** disertai oleh FoodPanda, Troopers, ShopeeFood dan Maybank Sama-sama Lokal;
  - f. **Platform E-Dagang dan Whatsapp Business** disertai oleh Lazada Malaysia, Shopee dan Peasy;
  - g. **Peruncitan Digital** disertai oleh PETRON Malaysia;
  - h. **Route to Halal** disertai oleh Halal Development Corporation (HDC);
  - i. **Tanda Dagangan (Trademark)** disertai oleh IPVolusi.
  - j. **Penghasilan Kandungan (Content Creation) dan Pemasaran Afiliasi (Affiliate Marketing)** disertai oleh TikTok Malaysia.
  - k. **SMEs: Step Up Digital** disertai oleh Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDeC).
13. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi di bawah KKDW serta rakan-rakan strategik yang telah memberi komitmen dan terlibat dalam menjayakan Program Pendigitalan Usahawan Siri 5 pada hari ini. Penglibatan jabatan dan

agensi-agensi di bawah KKDW serta rakan-rakan strategik bagi program ini amat dihargai oleh pihak KKDW dan diharap dapat memberi manfaat dan membantu para usahawan dalam mengadaptasi penggunaan aplikasi dan perisian digital perniagaan terkini bagi mendigitalkan perniagaan masing-masing dengan lebih cepat sebagai persediaan untuk menjalankan perniagaan secara dalam talian.

## **PENUTUP**

Para hadirin dihormati sekalian,

14. Dengan adanya peluang dan inisiatif yang telah disediakan oleh Kementerian, saya berharap usahawan yang hadir pada hari ini turut mengambil peluang dan ruang yang diberikan ini untuk terus berusaha mendigitalkan perniagaan masing-masing semampu boleh agar dapat mengembangkan perniagaan sekaligus meningkatkan pendapatan.
  
15. Akhir kata, besar harapan saya agar usaha yang dilaksanakan ini berjaya membantu usahawan desa mendigitalkan perniagaan seterusnya mampu merealisasikan ekonomi digital di desa seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhannya selaras dengan **Ekonomi Madani**.

Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya dengan sukacitanya merasmikan Program Pendigitalan Usahawan Desa Siri 5 Tahun 2023.



Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.